KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	28.01.22 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			

Habitat diceroboh punca harimau keluar

Orang asli dakwa kebanyakan kawasan hutan di Gua Musang telah habis diteroka

Oleh HAZELEN LIANA KAMARUDIN

GUA MUSANG


OSMAN PERIK


JENELI ANEK


ADIK ALANG


MUSTAFA ALONG

Masyarakat orang asli di sini mendedahkan harimau belang yang berkeliaran dan masuk ke kawasan kediaman penduduk berlaku selepas habitat semula jadi diceroboh.

Perkara itu didedahkan oleh seorang penduduk dari Kampung Tendrik, Pos Bihai, di sini Osman Perik semasa ditemubual oleh Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa).

"Aktiviti pembalakan telah memusnahkan tempat tinggal harimau dan di kawasan tersebut ada satu gua yang sangat besar.

"Banyak harimau tinggal di situ. Namun sejak diceroboh, harimau telah keluar dari kawasan tersebut. Siapa tak marah kalau tempat mereka diganggu. Begitu juga dengan harimau," katanya menerusi temubual yang melalui satu video yang dikongsi di akaun Facebook Kuasa.

Dalam pada itu, seorang anak kepada mangsa korban harimau, Jeneli Anek berkata, semua kawasan hutan di hulu Kelantan khususnya Gua Musang telah diteroka.

Dia berkata, jika sebelum ini kawasan tersebut dipenuhi dengan hutan namun ia sudah berubah ketika ini.

"Dulu hutan masih ada, manamana tempat masih wujud khususnya di hulu Gua Musang. Tetapi sekarang bermula dari luar hinggalah ke dalam telah diteroka termasuklah kawasan berhampiran kampung orang asli," katanya.

Timbalan Pengerusi Jaringan Kampung Orang Asli Pos Bihai, Adik Alang berkata, pencerobohan itu turut menyebabkan harimau hilang punca makanan sekali gus mendorong haiwan berkenaan keluar dari hutan.

"Bila sumber makanan seperti kijang, kancil dan babi hutan tiada susah untuk pak belang meneruskan kehidupan," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan (JKOAK), Mustafa Along berkata, hasil pemantauan yang dilakukan menerusi dron mendapati terdapat satu kawasan pembalakan telah dibuka.

Katanya, lokasi pembalakan itu hanya terletak satu kilometer dari tempat tinggal penduduk di Kampung Tendrik.

Sinar Harian pada 7 Januari lalu melaporkan, seorang lelaki orang asli maut dibaham seekor harimau dalam kejadian di Kampung Sau, Pos Bihai di sini.

Susulan ancaman itu polis telah menghantar seramai 29 anggota Senoi Praaq dari Batalion 3 Pasukan Gerakan Am Bidor untuk membantu mengawal kawasan Pos Bihai.

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Kelantan telah turun padang menjalankan pemantauan dan kawalan di kawasan perkampungan Orang Asli Pos Bihai berikutan kemunculan tiga ekor harimau belang yang berkeliaran di kawasan berkenaan sejak 10 Disember lalu.